A

# Andrew James Haughton lwn Ketua Polis Negara dan lain-lain

B MAHKAMAH TINGGI (SEREMBAN) — PERMOHONAN JENAYAH NO NA-44-1–01 TAHUN 2022
ROHANI ISMAIL H
21 JUN 2022

C *Prosedur Jenayah — Habeas corpus — Permohonan untuk — Tahanan ditangkap semula di bawah s 35 Akta Imigresen 1959/63 oleh Jabatan Imigresen Malaysia selepas menjalani hukuman penjara untuk kesalahan di bawah s 372B Kanun Keseksaan — Pemohon memohon writ habea corpus atas alasan tangkapan semula adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang — Sama ada*
D *tangkapan semula adalah sah menurut undang-undang*

Ini adalah satu permohonan yang difailkan oleh pemohon melalui notis usul untuk satu perintah habeas corpus dikeluarkan bagi orang tahanan ('tahanan') dan dibebaskan dengan serta-merta atas alasan bahawa tangkapan semula
E tahanan di bawah s 35 Akta Imigresen 1959/63 ('Akta 155') adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang yang mana telah melanggar perkara 5 dan/atau perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Pemohon iaitu suami kepada tahanan telah dimaklumkan bahawa tahanan telah ditangkap atas dakwaan telah melakukan kesalahan pelacuran di bawah s 372B Kanun Keseksaan ('KK').
F Tahanan telah mengaku salah atas pertuduhan semasa sebutan pada 31 Disember 2021 dan telah dijatuhkan hukuman penjara satu bulan. Tahanan telah menjalani kira-kira tiga minggu hukuman penjara dari tarikh tahanan ditangkap pada 6 December 2021 dan sepatutnya dibebaskan pada 6 Januari 2022. Namun, tahanan telah dipindahkan dari Penjara Kajang ke Depot
G Imigresen Lenggeng pada atau sekitar 7 Januari 2022 atas dasar bahawa tahanan tidak mempunyai visa yang sah untuk tinggal di Malaysia. Tahanan disyaki adalah seorang warganegara Thailand dan sedang disiasat oleh Jabatan Imigresen Malaysia ('JIM'). Pada 17 Januari 2022, pemohon menyampaikan surat dan dokumen-dokumen sokongan termasuk sijil kelahiran, MyKad
H sementara tahanan ('MyKas') dan sijil perkahwinan di antara pemohon dengan tahanan sebagai bukti bahawa tahanan adalah warganegara Malaysia kepada Depot Imigresen Lenggeng dan JIM. Pemohon mengatakan bahawa tahanan telah ditahan selama 25 hari sehingga pemfailan permohonan ini dan sepatutnya telah dibebaskan. Oleh yang demikian, pemohon menegaskan
I bahawa: (a) JIM tiada bidang kuasa untuk melaksanakan kuasanya dan prosedur-prosedur di bawah s 51(3)(a) dan 51(5)(b) Akta 155 untuk menangkap dan menahan tahanan bagi menyiasat sama ada tahanan telah melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta 155 kerana tahanan adalah warganegara Malaysia; dan (b) dalam apa jua keadaan, apa jua penyiasatan

terhadap tahanan patut telah dilakukan semasa tahanan ditangkap di bawah s 372B KK. A

**Diputuskan**, membenarkan permohonan:

(1) Tahanan tidak boleh boleh dikategorikan sebagai imigran larangan sepertimana takrif di bawah s 8(3)(d) Akta 155. MyKas tahanan masih merupakan suatu kad pengenalan diri tahanan yang sah sehinggalah responden-responden boleh membuktikan sebaliknya. Selagi tiada pengesahan berhubung kedudukan sahlaku kad pengenalan diri MyKas tahanan, begitu juga dengan tahanan yang disahkan lahir di Malaysia berdasarkan sijil kelahiran tahanan, maka JIM sebagai pihak yang menahan tahanan telah gagal untuk menunjukkan bahawa JIM telah mematuhi prosedur undang-undang yang betul apabila menangkap dan menahan semula tahanan di bawah s 35 Akta 155 kerana tiada apa-apa dokumen atau keterangan yang menunjukkan bahawa tahanan adalah warganegara Thailand. JIM gagal membuktikan tahanan adalah seorang warganegara Thailand (lihat perenggan 28–30). B C D

(2) Kebergantungan responden-responden atas isu tahanan adalah bukan warganegara Malaysia hanya kerana di atas MyKas tahanan dicatat sebagai bukan warganegara adalah tidak wajar diterima. Oleh yang demikian, isu 'pass' seperti yang dibangkitkan oleh responden-responden yang kononnya tidak dikeluarkan di bawah Akta 155 dan bahawa permohonan oleh tahanan untuk pengisytiharan sebagai warganegara telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi sepatutnya tidak timbul kerana kad MyKas yang dikemukakan adalah sebenarnya pengenalan diri yang sah bagi tahanan kerana kad MyKas tersebut masih sahlaku ketika tahanan ditangkap dan ditahan semula oleh JIM. Penangkapan dan penahanan semula tahanan selepas tahanan selesai menjalani hukuman penjara adalah tidak sah dan melanggari hak kebebasan asasi dan perlindungan undang-undang yang sama rata tahanan seperti yang dijamin di bawah perkara 5 dan/atau perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Suatu writ habeas corpus dikeluarkan dan tahanan adalah diperintahkan untuk dibebaskan serta-merta (lihat perenggan 32 & 34–35). E F G

**[English summary** H

This was an application filed by the applicant by way of a notice of motion for an order of habeas corpus to be issued for the person in custody ('the detainee') and her immediate release on the grounds that the re-arrest of the detainee under s 35 of the Immigration Act 1959/63 ('Act 155') was invalid and illegal which had violated art 5 and/or art 8 of the Federal Constitution. The applicant, the detainee's husband, was informed that the detainee had been arrested for allegedly committing the offense of prostitution under s 372B of the Penal Code ('the PC'). The detainee pleaded guilty to the charge during mention on 31 December 2021 and was sentenced to one month I

imprisonment. The detainee had served about three weeks of imprisonment from the date the prisoner was arrested on 6 December 2021 and should be released on 6 January 2022. However, the detainee was transferred from Kajang Prison to the Lenggeng Immigration Depot on or around 7 January 2022 on the basis that the detainee did not have a valid visa to stay in Malaysia. The detainee was suspected to be a Thai national and was being investigated by the Malaysian Immigration Department ('MID'). On 17 January 2022, the applicant submitted a letter and supporting documents including the detainee's birth certificate, temporary MyKad ('MyKas') and the marriage certificate between the applicant and the detainee as proof that the detainee was a Malaysian citizen to the Lenggeng Immigration Depot and MID. The applicant said that the detainee had been detained for 25 days until the filing of this application and should have been released. Therefore, the applicant asserted that: (a) the MID had no jurisdiction to exercise its powers and procedures under s 51(3)(a) and 51(5)(b) of Act 155 to arrest and detain the detainee to investigate whether the detainee had committed any offense under Act 155 because the detainee was a Malaysian citizen; and (b) in any case, any investigation against the detainee should have been carried out when the detainee was arrested under s 372B of the PC.

**Held**, allowing the application:

(1) The detainee could not be categorized as prohibited immigrant as defined under s 8(3)(d) of Act 155. The detainee's MyKas was still a valid identity card until the respondents could prove otherwise. As long as there was no confirmation regarding the status of the detainee's MyKas identity card, as well as the detainee who was confirmed to have been born in Malaysia based on the detainee's birth certificate, the MID as the party detaining the detainee had failed to show that the MID had complied with the correct legal procedures when arresting and re-arresting the detainee under s 35 of Act 155 because there was no document or evidence showing that the detainee was a Thai citizen. The MID failed to prove the detainee was a Thai national (see paras 28–30).

(2) The reliance of the respondents on the issue of the detainee being non-Malaysian citizen simply because the detainee was recorded as non-citizens on the MyKas was unacceptable. Therefore, the 'pass' issue as raised by the respondents that it was allegedly not issued under Act 155 and that the application by the detainee for declaration as a citizen was rejected by the High Court should not arise because the MyKas card that was presented was in fact a valid personal identification for the detainee because the MyKas card was still valid when the detainee was arrested and re-arrested by MID. The arrest and re-arrest of the detainee after the detainee had completed her prison sentence was illegal and violated the right to fundamental freedom and equal legal protection of detainees as guaranteed under art 5 and/or art 8 of the Federal Constitution. A writ of

habeas corpus was issued and the detainee was ordered to be released immediately (see paras 32 & 34–35).]

**Kes-kes yang dirujuk**

*Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2020] 1 MLJ 351, MP (dirujuk)

*Muhammad Jailani bin Kasim v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 6 MLJ 403; [2006] 4 CLJ 687, MP (dirujuk)

*SK Tangakaliswaran a/l Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 1 MLJ 149; [2009] 6 CLJ 705, MP (dirujuk)

*Tenaga Nasional Berhad v Ternakan Air Wui Kyee Sdn Bhd* [2015] MLJU 2136; [2015] 5 CLJ 955, MR (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Imigresen 1959/63 ss 2, 8(3)(d), 35, 34, 34(1), 51, 51(3)(a), (5)(b), 56(2)

Kanun Keseksaan ss 372, 372B

Kanun Tatacara Jenayah s 365

Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990

Perlembagaan Persekutuan perkara 5, 8

*Vivien Fan (MahWengKwai & Assoc) bagi pihak pemohon.*
*Arthana a/p Sarma Rao (Jabatan Imigresen Malaysia) bagi pihak responden.*

**Rohani Ismail H:**

PENGENALAN

**[1]** Pemohon di sini memfailkan notis usul untuk suatu perintah habeas corpus dikeluarkan bagi orang tahanan, Tan Soo Yin (No Daftar Kelahiran: F478062, No Siri: 062554QA) ('tahanan') dan dibebaskan dengan serta-merta atas alasan bahawa penahanan tahanan adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang yang mana telah melanggar perkara 5 dan/atau perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

LATAR BELAKANG KES

**[2]** Pada atau sekitar 2 Disember 2021, pemohon iaitu suami kepada tahanan telah dimaklumkan oleh DSP Nuzulan ('DSP Nuzulan') dari Ibu Pejabat Polis Dareah Dang Wangi ('IPD Dang Wangi') yang tahanan telah ditangkap pada 1 Disember 2021 atas dakwaan telah melakukan kesalahan pelacuran dan direman di Penjara Kajang selama empat hari bermula dari 2 Disember 2021 hingga 5 Disember 2021 untuk siasatan.

**[3]** Pada 9 Disember 2021, pemohon sekali lagi dimaklumkan oleh DSP Nuzulan bahawa tahanan telah didakwa di mahkamah pada 6 Disember 2021. Tahanan telah mengaku salah atas kesalahan tersebut dan dijatuhkan hukuman penjara satu bulan, namun pemohon tidak dimaklumkan mengenai butiran kejadian tersebut.

**[4]** Pada 24 Disember 2021 pula, bertentangan dengan apa yang dimaklumkan oleh DSP Nuzulan pada 9 Disember 2021 kepada pemohon, DSP Nuzulan memaklumkan kepada pemohon bahawa tahanan tidak mengaku salah dan sedang ditahan di Penjara Kajang dan sebutan kes seterusnya adalah pada 31 Disember 2021. Pada 1 Januari 2022, pemohon dimaklumkan oleh anak lelaki tahanan yang telah berkomunikasi dengan tahanan bahawa tahanan sepatutnya dibebaskan pada 31 Disember 2021, bagaimanapun tahanan tidak dibebaskan dari Penjara Kajang pada 31 Disember 2021.

**[5]** Ekoran dari itu, pemohon telah membuat pertanyaan kepada DSP Nuzulan dan pada 3 Januari 2022 pemohon telah dimaklumkan bahawa tahanan telah mengaku tidak salah atas pertuduhan terhadapnya dan sedang ditahan di Penjara Sungai Buloh. Pada atau sekitar 7 Januari 2022, pemohon dimaklumkan oleh anak perempuan tahanan yang telah berkomunikasi dengan tahanan bahawa tahanan sedang ditahan di Penjara Sungai Buloh dan sedang dibawa ke Pusat Imigresen Seremban.

**[6]** Oleh kerana ketidakselarasan dalam maklumat yang diberikan kepada pemohon berkenaan status lokasi dan penahanan tahanan, pemohon telah melantik peguamcara pada 7 Januari 2022 bagi menyiasat status dan alasan sebenar penahanan tahanan kerana tahanan tidak dapat dihubungi dan/atau ditemui oleh anak-anaknya dan/atau pemohon sendiri sebagai suami kepada tahanan. Selepas pertanyaan berulang kali dibuat oleh peguamcara pemohon, peguamcara pemohon telah dimaklumkan oleh seorang Sarjan dari IPD Dang Wangi maklumat-maklumat seperti berikut:

(a) tahanan telah mengaku salah atas pertuduhan di bawah s 372B Kanun Keseksaan ('KK') semasa sebutan pada 31 Disember 2021 dan telah dijatuhkan hukuman penjara satu bulan;

(b) tahanan telah menjalani kira-kira tiga minggu hukuman penjara dari tarikh tahanan ditangkap pada 6 Disember 2021 dan sepatutnya dibebaskan pada 6 Januari 2022; dan

(c) tahanan sedang ditahan di Depot Imigresen Lenggeng atas dasar bahawa tahanan tidak mempunyai visa yang sah untuk tinggal di Malaysia.

**[7]** Selepas pertanyaan lanjut dibuat oleh peguamcara pemohon dengan Depot Imigresen Lenggeng, pemohon telah dimaklumkan oleh peguamcaranya bahawa berdasarkan rekod-rekod Depot Imigresen Lenggeng:

(a) tahanan telah dipindahkan dari Penjara Kajang ke Depot Imigresen Lenggeng pada atau sekitar 7 Januari 2022; dan

(b) tahanan disyaki adalah seorang warganegara Thailand dan sedang disiasat oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya ('JIM') atas dakwaan tahanan sedang tinggal di Malaysia tanpa visa yang sah.

Pada 17 Januari 2022, peguamcara pemohon telah mengeluarkan dan menyampaikan secara ke diri surat bertarikh 17 Januari 2022 kepada Depot Imigresen Lenggeng dengan sesalinan surat tersebut dipanjangkan kepada JIM memohon pembebasan segera tahanan atas alasan bahawa tahanan adalah warganegara Malaysia yang dilahirkan di Malaysia yang telah ditahan dengan tidak sah dan menyalahi undang-undang, dengan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan termasuk Sijil Kelahiran, MyKad Sementara tahanan ('MyKas') dan Sijil Perkahwinan di antara pemohon dengan tahanan sebagai bukti bahawa tahanan adalah warganegara Malaysia (rujuk eksh 'AH1').

**[8]** Pemohon mengatakan bahawa tahanan telah ditahan selama 25 hari sehingga pemfailan permohonan ini dan sepatutnya telah dibebaskan pada 31 Disember 2021. Oleh yang demikian, pemohon menegaskan bahawa:

(a) JIM tiada bidang kuasa untuk melaksanakan kuasanya dan prosedur-prosedur di bawah s 51(3)(a) dan 51(5)(b) Akta Imigresen 1959/63 ('Akta 155') untuk menangkap dan menahan yahanan bagi menyiasat sama ada yahanan telah melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta 155 kerana yahanan adalah warganegara Malaysia; dan

(b) dalam apa jua keadaan, apa jua penyiasatan terhadap yahanan patut telah dilakukan semasa yahanan ditangkap di bawah s 372B KK.

**[9]** Selanjutnya, pemohon mengatakan bahawa maklumat yang diberikan oleh pihak polis dan Depot Imigresen Lenggeng dan/atau JIM berkenaan lokasi dan/atau butiran tentang penahanan tahanan adalah tidak mencukupi dan/atau tidak lengkap dan/atau tidak konsisten. Pemohon juga menyatakan bahawa tahanan tidak diberikan hak untuk menghubungi keluarganya dan/atau hak untuk mendapatkan nasihat dan perwakilan undang-undang yang sewajarnya.

**[10]** Oleh demikian itu, pemohon menegaskan bahawa penangkapan dan penahanan ke atas tahanan di Penjara Kajang dan/atau Depot Imigresen Lenggeng adalah tidak sah dan tidak teratur.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

**[11]** Setelah meneliti semua suratcara yang difailkan di dalam permohonan notis usul di sini dan selepas menimbang hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh semua pihak-pihak dalam tindakan ini, mahkamah berpuas hati bahawa penangkapan dan penahanan tahanan oleh JIM adalah tidak sah dan tidak teratur mengikut prosedur undang-undang. Oleh yang demikian, permohonan pemohon melalui notis usul di sini adalah dibenarkan seperti yang dipohon. Perintah habeas corpus adalah dengan ini dikeluarkan dan tahanan adalah diperintahkan untuk dibebaskan dengan serta-merta.

PRINSIP UNDANG-UNDANG

*Writ habeas corpus*

**[12]** Kuasa Mahkamah Tinggi dalam suatu permohonan writ *habeas corpus* adalah diperuntukkan di bawah s 365 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') di mana dinyatakan:

> 365 Kuasa Mahkamah Tinggi membuat perintah.
>
> Mahkamah Tinggi boleh apabiia difikirkan patut mengarahkan —
>
> (a) mana-mana orang yang:
>
> (i) ditahan di dalam mana-mana penjara dalam lingkungan Malaysia atas waran ekstradisi sama ada di bawah Jadual Ekstradisi 1992; atau
>
> (ii) dikatakan ditahan dengan menyalahi undang-undang atau dengan tidak sepatutnya dalam jagaan awam atau persendirian dalam lingkungan Malaysia,
>
> Hendaklah dibebaskan;
>
> (b) bahawa mana-mana defendan yang berada dalam jagaan di bawah writ penahanan dibawa ke hadapan mahkamah supaya dijalankan tindakan mengikut undang-undang.'

*Ketidakpatuhan prosedur dan perlanggaran hak*

Kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan

**[13]** Ketidakpatuhan prosedur atau undang-undang berkaitan suatu perintah tahanan telah diterangkan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Muhammad Jailani bin Kasim v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 6 MLJ 403; [2006] 4 CLJ 687 yang menyatakan:

> [8] It follows that if a detention is procured by steps which are not regular the court is empowered to set aside the detention order. It means that every step which is

necessary for the making of a detention order is subject to review by the court. The effect of a breach of such procedural requirements had been considered in a number of cases. See, for example, *Puvaneswarctn v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1991] 3 MLJ 28; [1991] 3 CLJ Rep 649 ; [1991] 2 CLJ 1199; *Low Teng Hal v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Others* [1992] 2 Rep CLJ 816 and *Aw Ngoh Leang v Inspector General of Police* [1993] 1 MLJ 65; [1993] 1 CLJ 373. It has been recognised in these cases that a procedural requirement may be mandatory or directory, A mandatory requirement is one that goes to the root of the matter and is of direct relevance to the detention order. The breach of a mandatory requirement will render the detention order invalid without the need to establish any prejudice. The breach of procedural requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance with the rules with no prejudice having been suffered by the detainee. However, it must be observed that the power of the court to intervene is limited to only matters of compliance with procedural requirements ...

**[14]** Berkenaan hak kebebasan seseorang yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Persekutuan di dalam kes *SK Tangakaliswaran a/l Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 1 MLJ 149; [2009] 6 CLJ 705 memutuskan:

The liberty of an individual should not be infringed upon even to the slightest extent without proof that the impugned infringement is in accordance with the Constitution and statute. When considering whether a restraint upon liberty is in accordance with the law it is to be the evidence furnished by the detaining authority that a court must turn in the usual way. And where that evidence is by way of affidavit the court is not spared the task of subjecting its contents to the same tests as in any other case. If not to stricter scrutiny since the case concerns the violation of a constitutionally guaranteed protection. One of the tests that a court applies to test allegations in affidavits is to see whether they are contradictory in nature.

**[15]** Di dalam kes *Tenaga Nasional Berhad v Ternakan Air Wui Kyee Sdn Bhd* [2015] MLJU 2136; [2015] 5 CLJ 955 pula, telah diputuskan bahawa:

Rule of law in judicial decision making process necessarily means the court must give utmost consideration to the Federal Constitution and when interpreting a statute must not forget that; i) law under the Federal Constitution means substantive law and procedure; ii) literal rule per se is not the only tool to interpret statutes; and other provision of the law and tools have to be taken into consideration for example s 17A Interpretation Acts 1948 and 1976.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH

**[16]** Di dalam suatu permohonan di bawah habeas corpus, adalah menjadi undang-undang mantap bahawa pihak yang menahan (*detaining authority*) mempunyai tanggungjawab atau beban untuk memberi justifikasi bahawa tangkapan/tahanan yang dibuat ke atas orang yang ditahan adalah sah

menurut undang-undang seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *SK Tangakaliswaran* yang menyatakan:

> [5] It is settled law that on an application for habeas corpus the burden satisfying the court that the detention is lawful lies throughout on the detaining authority. See: *Chng Suan Tze v The Minister of Home Affairs & Ors and Other Appeals* [1989] 1 MLJ 69. In *Mohinuddin v District Magistrate, Beed* AIR [1987] SC 1977, the Supreme Court of India observed as follows in the context of art 22 of the Indian Constitution from which is drawn our art 151:
>
> > It is not enough for the detenu to say that he is under wrongful detention, and the burden lies on the detaining authority to satisfy the Court that the detention is not illegal or wrongful and that the petitioner is not entitled to the relief claimed. This Court on more occasions than one has dealt with the question and it is now well-settled that it is incumbent on the State to satisfy the Court that the detention of the petitioner/detenu was legal and in conformity not only with the mandatory provisions of the Act but also strictly in accord with the constitutional safeguards embodied in Art 22(5).

Di dalam kes di sini, pemohon iaitu suami kepada tahanan melalui notis usul yang difailkan menyatakan bahawa JIM tiada bidang kuasa untuk melaksanakan kuasanya dan prosedur-prosedur di bawah s 51(3)(a) dan 51(5)(b) Akta 155 bagi menangkap dan menahan tahanan atas alasan untuk menyiasat sama ada tahanan telah melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta 155 kerana tahanan adalah warganegara Malaysia.

**[17]** Responden-responden bagaimanapun menafikan dakwaan pemohon bahawa tahanan telah ditangkap dan ditahan secara salah atas alasan-alasan sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak JIM melalui afidavit-afidavit jawapan yang difailkan oleh responden-responden seperti di lampiran-lampiran 5–11. Muhammad Farid bin Saimin ('Farid') yang merupakan Pegawai Imigresen yang bertindak sebagai pegawai yang telah menangkap semula tahanan di bawah s 35 Akta 155 di dalam afidavit jawapannya (lampiran 5) menyatakan bahawa pada 31 Disember 2021, pihak Pusat Transit Penerimaan Penjara Wanita Kajang telah merujuk kes tahanan secara emel kepada Unit Pengusiran yang memanjangkan nama, warganegara, umur, kesalahan, tarikh masuk dan tarikh bebas tahanan (eksh 'MFBS1'). Pada 31 Disember 2021, beliau mengesahkan telah menerima arahan daripada Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Kanan, Azizul Fahmi bin Abdul Mukti ('Azizul Fahmi') untuk penangkapan semula tahanan untuk tempoh tidak melebihi 30 hari dari tarikh tangkap sementara menunggu tindakan lanjut JIM dan beliau telah membuat laporan polis berhubung penahanan semula tahanan di bawah s 35 Akta 155 (eksh 'MFBS2').

**[18]** Pada 31 Disember 2021, Azizul Fahmi telah mengeluarkan suatu Notis Penahanan ke atas tahanan di bawah s 35 Akta 155 (eksh 'AFAM1' lampiran 11) di Pusat Transit Penerimaan Penjara Wanita Kajang bagi tujuan ujian

saringan Covid-19 dan dokumentasi. Pada 7 Januari 2022, Pusat tersebut telah memanjangkan nama, warganegara, umur, kesalahan tahanan, tarikh masuk dan tarikh bebas, tarikh swab Covid-19 dan keputusan swab Covid-19 tahanan kepada Unit Pengusiran, Bahagian Pengurusan Depot dan tahanan, JIM Putrajaya di mana keputusan swab Covid-19 tahanan adalah negatif (eksh 'MFBS3').

**[19]** Pada 7 Januari 2022, tahanan telah dikeluarkan perintah tahanan (*order of detention*) di bawah s 34(1) Akta 155 dan perintah pengusiran (*order of removal*) di bawah s 56(2) Akta 155 oleh Azizul Fahmi (eksh 'AFAM2' dan eksh 'AFAM3' lampiran 11) yang diserahkan kepada tahanan pada 7 Januari 2022 oleh Pegawai Imigresen, Dayang Zurida bt Awang Aemeran ('Dayang Zurida') di Pusat Transit Penerimaan Penjara Wanita Kajang sebelum pegawai imigresen tersebut membawa tahanan ke Depot Imigresen Lenggeng pada hari yang sama. Dayang Zurida menyerahkan tahanan kepada pegawai dari Bahagian Rekod dan Pengusiran Depot Imigresen Lenggeng, Timbalan Penolong Pengarah Imigresen bernama Mohd Syahril bin Abd Hamid ('Mohd Syahril') untuk tujuan dokumentasi sepertimana cop penerimaan di dalam Surat Penyerahan Banduan Asing bertarikh 7 Januari 2022 (eksh 'DZAA1' lampiran 9) tahanan berada di Depot Imigresen Lenggeng sementara menunggu proses pengusiran dibuat ke atasnya.

**[20]** Pada 17 Januari 2022, Bahagian Pengurusan Depot dan Tahanan JIM Putrajaya telah menerima surat permohonan peguamcara pemohon mengenai permohonan pelepasan tahanan (eksh 'AFAM4' lampiran 11) dan Ahmad Fahmi selanjutnya mengarahkan Timbalan Penolong Pengarah Imigresen, Nadiah bt Anuar ('Nadiah') untuk memanjangkan permohonan tersebut kepada Ketua Pengarah Imigresen Malaysia ('KP') dan pada 21 Januari 2022, Nadiah telah mengeluarkan sesalinan surat permohonan penangguhan pengusiran tahanan ke negara asal sementara menunggu keputusan KP (eksh 'ZBMI2' lampiran 7).

**[21]** Dari fakta, jeias didapati bahawa tahanan yang ditangkap dan ditahan semula oleh JIM di bawah s 51 Akta 155 pada 31 Disember 2021 di Depot Imigresen Lenggeng hanya atas alasan bahawa JIM ingin menjalankan siasatan ke atas tahanan di bawah a 35 Akta 155 kerana tahanan disyaki seorang warganegara Thailand walaupun selepas tahanan telah dibebaskan pada 31 Disember 2021 selepas selesai menjalani hukuman penjara satu bulan di bawah s 372 KK.

**[22]** Peruntukan berhubung kuasa JIM untuk menjalankan siasatan di bawah s 35 Akta 155 adalah seperti berikut:

> Any person reasonably believed to be a person liable to removal from Malaysia under this Act may be arrested without warrant by any immigration officer

A generally or specially authorised by the Director General in that behalf or by a senior police officer, and may be detained in any prison, police station or immigration depot for a period not exceeding thirty days pending a decision as to whether an order from his removal should be made.

B **[23]** Manakala s 34 Akta 155 pula membuat peruntukan seperti berikut:

34 Detention of persons ordered to be removed

(1) Where any person is ordered to be removed from Malaysia under this Act, such person may be detained in custody for such period as may be necessary for the C purpose of making arrangements for his removal:

Provided that any person detained under this subsection who appeals under subsection 33(2) against the order of removal may, in the discretion of the Director General, be released, pending the determination of his appeal, on such conditions as to furnishing security or otherwise as the Director General may deem fit.

D (2) Subject to the determination of any appeal under section 33, any person who is ordered to be removed from Malaysia may be placed on board a suitable vessel or aircraft by any officer or immigration officer, and may be lawfully detained on board the vessel or aircraft, so long as the vessel or aircraft is within the limits of Malaysia.

(2) Any person who is detained in custody in pursuance of an order made by the E Director General under subsection (1) may be so detained in any prison, police station or immigration depot, or in any other place appointed for the purpose by the Director General.

F **[24]** Peruntukan di bawah s 56(2) Akta 155 menyatakan:

Any person who is not a citizen unlawfully entering or reentering or attempting unlawfully to enter or re-enter Malaysia or unlawfully remaining in Malaysia shall whether or not any proceedings are taken against him in respect of the offence be liabie to be removed from Malaysia by order of the Director General.

G

**[25]** Responden-responden berhujah bahawa memandangkan tahanan yang telah ditahan semula oleh JIM di bawah s 35 Akta 155 pada 31 Disember 2021 adalah bertujuan untuk membuat pertimbangan sama ada tahanan perlu diusir ataupun tidak dan pada hari kelapan iaitu pada 7 Januari 2022, telahpun H dikeluarkan suatu perintah tahan usir di bawah s 56(2) Akta 155 dan s 34 Akta 155, maka penahanan tahanan di bawah s 35 Akta 155 adalah tidak lagi terpakai kepada tahanan pada 7 Januari 2022. Responden-responden mengatakan bahawa antara alasan penahanan tahanan di bawah s 35 Akta 155 adalah disebabkan pihak penjara telah merujuk tahanan kepada JIM kerana I tahanan mempunyai MyKas dan berstatus bukan warganegara Malaysia. Oleh kerana tahanan yang telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s 372B KK dan dijatuhkan hukuman penjara satu bulan, responden-responden mengatakan bahawa tahanan adalah terjumlah sebagai seorang imigran larangan di bawah s 8(3)(d) Akta 155.

**[26]** Peruntukan s 8(3)(d) Akta 155 adalah berbunyi seperti berikut:

(3)The following persons are members of the prohibited classes:

(a) ...

(b) ...

(c) ...

(d) any person who —

(i) has been convicted in any country or state of any offence and sentenced to imprisonment for any term, and has not received a free pardon; and

(ii) by reason of the circumstances connected with the conviction is deemed by the Director General to be an undesirable immigrant.

**[27]** Pemohon bagaimana berhujah bahawa penangkapan dan penahanan semula tahanan oleh JIM tersebut adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang kerana tahanan adalah pemegang MyKas yang sah yang dikeluarkan oleh JPN yang masih sahlaku sehingga tahun 2024. Responden-responden tidak bersetuju dengan hujahan pemohon dan mengatakan bahawa MyKas dan 'pass' yang didefinisikan di bawah Akta 155 adalah dua perkara yang berbeza kerana MyKas dikeluarkan oleh Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 dan bukannya di bawah Akta 155. Menurut Responden-responden, berdasarkan peruntukan s 2 Akta 155 yang menyatakan bahawa hanya 'pass' yang dikeluarkan di bawah Akta 155 sahaja yang terpakai di sini apabila seksyen tersebut memperuntukkan seperti berikut:

'Pass' means any Pass issued under any regulations made under this Act entitling the holder thereof to enter and remain temporarily in Malaysia.

Oleh yang demikian, responden-responden berhujah bahawa penahanan tahanan adalah sah di bawah s 35 Akta 155 bermula pada 31 Disember 2021 sehingga 7 Januari 2022 kerana perintah tahan usir telah dikeluarkan terhadap tahanan pada hari kelapan penahanan tahanan di bawah seksyen tersebut. Maka, Perintah Tahan yang dikeluarkan terhadap tahanan di bawah s 34 Akta 155 yang mana menurut responden-responden adalah susulan kepada perintah usir yang bertujuan untuk menahan tahanan untuk tujuan pengusiran sahaja dan bukan untuk tujuan yang lain.

**[28]** Namun begitu, dari penelitian mahkamah terhadap fakta dan rentetan peristiwa sejak dari awal penangkapan dan penahanan semula tahanan oleh JIM pada 31 Disember 2021 yang dikatakan telah dibuat menurut s 35 Akta 155, mahkamah berpuashati bahawa penangkapan dan penahanan semula tahanan tersebut selepas beliau selesai menjalani hukuman penjara 30 hari dari tarikh tangkap iaitu dari 2 Disember 2021 yang dijatuhkan pada 31 Disember

2021 dalam satu kes di Mahkamah Kuala Lumpur No Kes WA-83JS-431-12/2021 atas kesalahan di bawah s 372B KK (Perenggan-perenggan 7 dan 8 afidavit jawapan penguasa penjara, Suefarinawathy bt Affendi ('Suefarinawathy' lampiran 8) adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang memandangkan tahanan mempunyai MyKas yang mana tarikh luputnya adalah pada 27 Mei 2024 dan tahanan pada pendapat mahkamah tidak boleh boleh dikategorikan sebagai imigran larangan sepertimana takrif di bawah s 8(3)(d) Akta 155.

**[29]** Meski pun di dalam MyKas tahanan ada dicatat sebagai 'BUKAN WARGANEGARA', namun begitu MyKas tersebut adalah 'Kad Pengenalan Sementara' yang masih sahlaku yang dikeluarkan kepada tahanan oleh JPN sebagai pengenalan dirinya dan sehingga tarikh luputnya pada 27 Mai 2024, mahkamah berpendapat kad MyKas tahanan tersebut masih merupakan suatu kad pengenalan diri tahanan yang sah sehinggalah responden-responden boleh membuktikan sebaliknya. Dalam kes ini, responden-responden terutama sekali pihak JIM sebagai pihak berkuasa yang telah membuat penangkapan dan penahanan semula terhadap tahanan adalah berkewajipan untuk menunjukkan atau membuktikan tahanan sebenarnya seorang warganegara Thailand seperti yang didakwa yang telah melanggari peruntukan di bawah s 56(2) Akta 155. Namun begitu, setakat tempoh penangkapan dan penahanan semula tahanan oleh JIM adalah jelas bahawa tiada sebarang pengesahan atau apa-apa bukti yang dikemukakan oleh responden-responden dari JPN untuk mengesahkan/membuktikan bahawa MyKas yang dikeluarkan kepada tahanan oleh JPN itu adalah bukan pengenalan diri tahanan yang sah untuk membolehkan tahanan ditahan oleh JIM bagi tujuan pengusiran berdasarkan perintah tahan usir di bawah s 56(2) Akta 155 dan s 34 Akta 155.

**[30]** Mahkamah berpendapat selagi tiada pengesahan berhubung kedudukan sahlaku kad pengenalan diri MyKas tahanan yang dikeluarkan oleh JPN yang dapat dikemukakan oleh responden-responden khasnya JIM di sini yang menangkap dan menahan tahanan di bawah s 35 Akta 155, begitu juga dengan tahanan yang disahkan lahir di Malaysia berdasarkan Sijil Kelahiran tahanan yang dikeluarkan oleh JPN yang lahir pada 23 Disember 1983 di Bt 10, Jln Paloh K/Baru Yong Peng, Batu Pahat Johor yang mana fakta ini pun langsung tidak dipertikaikan di sini, maka Mahkamah berpuashati bahawa JIM sebagi pihak yang menahan tahanan telah gagal untuk menunjukkan bahawa JIM telah mematuhi prosedur undang-undang yang betul apabila menangkap dan menahan semula tahanan di bawah s 35 Akta 155 kerana tiada apa-apa dokumen atau keterangan yang menunjukkan bahawa tahanan adalah warganegara Thailand seperti yang didakwa bagi membolehkan JIM melaksanakan kuasanya dan prosedur-prosedur di bawah s 51(3)(a) dan 51(5)(b) Akta 155 untuk menyiasat tahanan di bawah peruntukan Akta 155 tersebut.

**[31]** Ketiadaan apa-apa bukti sedemikian yang dikemukakan oleh JIM dalam membantah permohonan pemohon di sini, pada mahkamah jelas membuktikan bahawa JIM telah tidak mematuhi keperluan prosedur undang-undang kerana JIM gagal mengemukakan bukti atau keterangan bahawa tahanan telah melanggari peruntukan di bawah s 56(2) Akta 155 kerana tiada apa-apa keterangan yang dikemukakan oleh JIM untuk mengesahkan bahawa kad MyKas tahanan adalah tidak sah digunapakai oleh tahanan sebagai pengenalan diri tahanan yang mana alamat tahanan di Malaysia jelas tercatat dalam MyKasnya iaitu di alamat '19–6 Tower A, Pavilion Residence 77, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, W Persekutuan (KL)'.

**[32]** Memandangkan kad MyKas yang dikeluarkan oleh JPN atas nama tahanan jelas terdapat catatan 'Tarikh Luput 27 Mei 2024' yang masih lagi sahlaku sehingga 27 Mei 2024 dan Sijil Kelahiran yang dikeluarkan atas nama tahanan juga menunjukkan bahawa tahanan yang lahir pada 23 Disember 1983 telah dilahirkan di 'Bt 10 Jin Paloh K/Baru Yong Peng' yang mana maklumat ini telahpun disahkan oleh Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian Malaysia, maka adalah jelas bahawa JIM gagal membuktikan tahanan adalah seorang warganegara Thailand seperti yang didakwa. Justeru itu, kebergantungan responden-responden atas isu tahanan adalah bukan warganegara Malaysia hanya kerana di atas MyKas tahanan dicatat sebagai bukan warganegara, pada pendapat mahkamah tidak wajar untuk diterima oleh mahkamah memandangkan JPN langsung tidak membuat apa-apa pengesahan bahawa MyKas dan Sijil Kelahiran tahanan adalah tidak sah dan tidak boleh digunapakai oleh tahanan sebagai pengenalan dirinya yang lahir di Malaysia. Oleh yang demikian, isu 'Pass' seperti yang dtbangkitkan oleh responden-responden yang kononnya tidak dikeluarkan di bawah Akta 155 dan bahawa permohonan oleh tahanan untuk pengisytiharan sebagai warganegara telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi, pada pendapat mahkamah sepatutnya tidak timbul di sini kerana kad MyKas yang dikemukakan dalam kes ini adalah sebenarnya pengenalan diri yang sah bagi tahanan kerana kad MyKas tersebut masih sahiaku ketika tahanan ditangkap dan ditahan semula oleh JIM pada 31 Disember 2021.

**[33]** Di dalam kes *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2020] 1 MLJ 351 Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> [11] The writ of habeas corpus is the fundamental instrument for safeguarding individuals against arbitrary and unlawful state action. In this connection, the observation made by Choor Singh J in *Re Onkar Shrian* [1970] 1 MLJ 28 as embraced by this court in *Kerajaan Malaysia & Ors v Nasharuddin Nasir* [2003] MLJU 841; [2004] 1 CLJ 81, where the judgment of Choor Singh J in *Re Onkar* was quoted as below is particularly instructive:
>
> Where the personal freedom of an individual is wrongly interfered with by

A another, the release of the former from illegal detention may be effected by habeas corpus. The illegal detention of a subject, that is a detention or imprisonment which is incapable of legal justification, is the basis of jurisdiction in habeas corpusl.

B **[34]** Maka, berdasarkan alasan-alasan di atas dan otoriti-otoriti yang dirujuk, mahkamah berpendapat penangkapan dan penahanan semula tahanan di Depot Imigresen Lenggeng oleh JIM pada 31 Disember 2021 selepas tahanan selesai menjalani hukuman penjara 30 hari adalah tidak sah dan melanggari hak kebebasan asasi dan perlindungan undang-undang yang C sama rata tahanan seperti yang dijamin di bawah perkara 5 dan/atau perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

**[35]** Justeru itu, permohonan pemohon di sini adalah dibenarkan dan suatu writ habeas corpus dikeluarkan dan tahanan adalah diperintahkan untuk D dibebaskan serta-merta.

*Permohonan dibenarkan.*

E Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh

F

G

H

I